

**Yide cakna, tunai tanggungjawab sosial**

SEPANG - Yayasan Islam Darul Ehsan (Yide) telah menyampaikan sumbangan wang tunai kepada Rumah Anak-Anak Yatim Pertubuhan Kebajikan Baitul Barokah Wal Mahabbah di Lot 979, Jalan Burhan Kampung Ginching Hilir setelah terlibat dalam kebakaran sebahagian asrama lelaki awal pagi Jumaat lalu.

Sumbangan itu disampaikan Pengurus Operasi Bahagian Sumbangan dan Promosi, Md Arifin Jaafar, sebagai satu inisiatif Yide dengan memberi bantuan khususnya kepada rakyat atau organisasi dalam negeri ini bagi meringankan beban setiap mangsa yang terjejas akibat musibah ini.

Pegawai Pentadbiran Pertubuhan, Mohd Sulaiman Sanusi berkata, blok asrama yang dihuni 43 pelajar tahfiz lelaki berumur di antara lapan ke 12 tahun itu terbakar ketika mereka sedang bersiap untuk menunaikan solat tahajud kira-kira jam 4 pagi.

Menurutnya buat masa ini, kesemua pelajar terbabit akan menginap di bangunan kelas sehingga kerja pembaikan dan baik pulih selesai.

"Alhamdulillah, tiada kecedera-



Sulaiman (dri) menerima sumbangan daripada Md Arifin.

an atau kemasalahan membabitkan pelajar kami dan saya lihat mereka semua dalam keadaan baik buat masa ini.

"Kebakaran dua bilik asrama lelaki disebabkan litar pintas yang menyebabkan hampir 80 peratus kelengkapan asrama musnah terbakar yang dianggarkan kerugian mencecah RM150,000," katanya.

Pertubuhan ini adalah sebuah pusat pengajian berkonsepkan ke-

bajikan dan menaungi lebih 101 pelajar iaitu 52 pelajar lelaki dan 49 pelajar perempuan yang terdiri daripada kalangan anak yatim, fakir miskin golongan asnaf zakat dan anak-anak yang perlukan pembelaan.

Md Arifin berkata, Yide adalah sebuah agensi di bawah Majlis Agama Islam Selangor (Mais) yang dipertanggungjawabkan menjalankan aktiviti-aktiviti kebajikan di dalam negeri Selangor Darul Ehsan.

**SMK Taman Klang Utama tidak sisih golongan pelajar pendidikan khas**

BANDAR - Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Taman Klang Utama berhasrat membawa pelajar-pelajar pendidikan khas untuk melihat dunia luar bagi memberi pendedahan supaya berasakan diri mereka tidak tersisih.

Penolong Kanannya, Tang Suk Peng berkata, pihak sekolah memilih Kampung Bandar, Kuala Langat sebagai destinasi Perkhemahan Santai Sihat Pengakap Pendidikan Khas SMKTKU kali ini sebagai usaha menerapkan maklumat sejarah di kawasan itu.

Menurutnya, walaupun kebanyakan pelajar terdiri daripada orang kurang upaya (OKU) antaranya sindrom down, autisme, dan lambat namun mereka ini berupaya melakukan sebahagian aktiviti pelajar normal sekali gus beri peluang tenaga pengajar terus mengaktifkan program mereka.

"Saya nampak mereka ni seronok bila ada di tempat baru.

Terutama apabila dapat melawat istana bandar, ia sedikit sebanyak beri peluang mereka merasai suasana kawasan lain untuk diberi pendedahan supaya tidak rasa diri mereka tidak dipedulikan," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Pembangunan Persekutuan Parlimen Kuala Langat, Datuk Sulaiman Mohd Karli berkata, beliau teruja apabila terima jemputan menyambut ketibaan 28 pelajar istimewa di daerah Kuala Langat sempena Perkhemahan Santai sekolah mereka ke Kem Baitunur di Kampung Bandar.

"Saya gembira dapat menyambut dan beramah mesra dan tidak sangka mereka punya idea tersendiri dalam memberi maklum balas dengan apa yang saya ucap.

"Bila lihat kesungguhan guru-bawa mereka ke kem untuk latih jati diri dan kepimpinan, saya yakin mereka boleh cemerlang dan mampu bersaing dengan masyarakat luar," katanya.

**Naik taraf jambatan keluli siap**

Pengguna jalan di jambatan Sungai Rambai boleh guna laluan tersebut bermula 1 Ogos lalu

**INFO** • Jambatan keluli bermodular tersebut berjaya disiapkan lebih awal dari jadual asal dan telah beroperasi untuk laluan awam tepat jam 7 pagi, kelmarin



Keja-kerja pembaikan di dua buah jambatan di Sungai Rambai giat dijalankan.

BANTING - Dua jambatan di Sungai Rambai yang diarahkan tutup sebelum ini bagi mengelakkan kejadian runtuh telah dibuka semula mulai 1 Ogos lalu.

Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor, Ir Ruslan Abdul Aziz berkata, pihaknya telah menaik taraf jambatan keluli bermodular sementara pada jambatan di Sungai Rambai Besar dan Sungai Rambai Kecil bagi kegunaan pengguna melancarkan perjalanan lalu lintas.

Menurutnya, pembinaan jambatan sementara itu adalah langkah jangka pendek untuk mengatasi masa-

lah kesesakan lalu lintas sejak penutupan kedua-dua jambatan tersebut pada 24 Julai lalu.

"Untuk jangka masa panjang, kerja-kerja penggantian jambatan akan dilaksanakan selepas peruntukan diterima. Dalam tempoh tersebut, bagi tujuan keselamatan pengguna jalan raya diingatkan

mematuhi had laju kerana jambatan sementara tersebut agak sempit," katanya dalam satu kenyataan kepada Sinar Harian semalam.

Ruslan berkata, kedua-dua jambatan keluli bermodular tersebut telah berjaya disiapkan sepenuhnya lebih awal dari jadual asal dan telah beroperasi untuk

laluan awam, kelmarin tepat jam 7 pagi.

"Ini adalah hasil kerjasama dan komitmen tidak berbelah bagi oleh semua peringkat JKR Malaysia, JKR Negeri Selangor dan JKR Daerah untuk memastikan kepentingan rakyat diutamakan.

"Pengguna diingatkan berhati-hati apabila melalu

**Sebuah lagi laluan diarah tutup**

Kali ini menandakan laluan di Jambatan Sungai Rambai Kecil... (Small text block with multiple columns of news snippets)

Laporan Sinar Harian sebelum ini.

kedua jambatan ini kerana ia agak tinggi dari aras jalan sedia ada dan agak sempit kerana tiada bahu jalan dan berpagar," katanya.

Sebelum ini Sinar Harian melaporkan pengguna jalan raya dari arah Banting ke Klang terpaksa berdepan kesesakan lalu lintas teruk selepas



RUSLAN

dua jambatan di Sungai Rambai ditutup akibat berdepan dengan risiko runtuhan.

Pengguna jalan raya ketika itu disarankan menggunakan laluan alternatif berhampiran dengan laluan tersebut dilencongkan menggunakan laluan bertentangan.